# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KAMPUNG BAGUS, RANTAU PANJANG, PASIR MAS, KELANTAN

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; dan
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; dan
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang terlibat | Kampung Bagus, Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan |
| Tempoh Berkuatkuasa | 7 Julai 2021 (mulai 12.01 pagi) sehingga 20 Julai 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA.<br>• Semua laluan **keluar masuk kawasan PKPD ditutup**. |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KAMPUNG BAGUS, RANTAU PANJANG, PASIR MAS, KELANTAN

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; dan
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; dan
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat **tidak dibenarkan keluar** daripada rumah masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• **Pengecualian** hanya diberikan kepada **seorang (1) wakil** dari setiap rumah untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dan premis makanan **DALAM KAWASAN PKPD**.<br>• Semua sektor ekonomi dalam kawasan PKPD **tidak dibenarkan beroperasi** kecuali kedai runcit yang lengkap /mini market dibenarkan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• **Kekerapan kebenaran keluar** akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bersama PDRM.<br>***Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD)** |

# SOP AM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KAMPUNG BAGUS, RANTAU PANJANG, PASIR MAS, KELANTAN

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## Aktiviti dibenarkan

- Seorang **(1)** wakil dari setiap rumah membeli barangan keperluan; dan
- Perkhidmatan perlu (*Essential Services*).

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Keluar dari rumah bagi aktiviti selain dari yang dibenarkan tanpa kebenaran PDRM;
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD; dan
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342;
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM;
- Arahan dan peraturan di bawah PBT; dan
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1) wakil** dari setiap rumah untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Semua sekolah, masjid, surau dan rumah ibadat bukan Islam ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti di masjid/surau serta aktiviti sukan dan rekreasi adalah **TIDAK DIBENARKAN**.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasikan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah/Negeri. |